

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
INSTITUT ASTIN

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1998/1999

April 1999

ATP 201 – KAEDAH PENYELIDIKAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN :

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Soalan Bahagian A & B adalah wajib. Jawab dua (2) soalan daripada bahagian C. **Soalan 1 di bahagian C adalah Wajib.** Soalan Bahagian A dijawab dikertas soalan dengan membulatkan jawapan yang paling tepat. Pastikan anda **MENULIS ANGKA GILIRAN.**

BAHAGIAN A (WAJIB)

1. Di antara berikut kenalpastikan angkubah yang boleh di istilahkan sebagai konsep?
 - (a) Kasut
 - (b) Kerusi
 - (c) Kedai
 - (d) Kesakitan
 - (e) Kesemua di atas

2. Hipotesis didefinisikan sebagai :
 - (a) Kenyataan soalan penyelidikan dalam bentuk yang boleh diuji
 - (b) Kenyataan secara meluas tujuan penyelidikan
 - (c) Pengetahuan yang membantu fakta menjadi sesuatu yang bermakna
 - (d) Prosedur statistik

3. Pilih di antara berikut yang bukan sebahagian daripada proses hieraki soalan penyelidikan :
 - (a) Soalan-soalan penyisatan (investigative questions)
 - (b) Pemasalahan pengurusan
 - (c) Soalan-soalan pengukuran
 - (d) Soalan-soalan “exploratory”

...2/-

4. _____ mewakili suatu kumpulan kejadian yang boleh mengambil lebih daripada satu nilai :
- (a) Konstan
 - (b) Statistik
 - (c) Hipotesis
 - (d) Pembolehubah
5. Pendekatan asas yang mana kita menentukan persamaan di antara kajian dan kumpulan kawalan di dalam kajian "ex post facto" ialah melalui :
- (a) Gandingan (matching)
 - (b) Definisi
 - (c) Induksi
 - (d) Kerja-kerja "random"
6. Secara literalnya perkataan "pengukuran" itu bermaksud :
- (a) Objek
 - (b) Ciri-ciri
 - (c) Jenis
 - (d) Indikator
7. Yang mana satukah yang menjelaskan hubungan sebab-musabab ?
- (a) Sejarah
 - (b) Korelasi
 - (c) Eksperimen
 - (d) Perihal
8. Pendekatan skala yang menggunakan skala tujuh markah dengan berapa adjektif bipolar adalah dikenali sebagai
- (a) Skala Perbezaan Semantic
 - (b) Gutman Scalogram
 - (c) Skala Pertimbangan Perbandingan
 - (d) Skala jenis Likert
9. Sampel "stratified" adalah kecekapan statistik yang paling berkesan apabila :
- (a) Varians di dalam strata luas
 - (b) Varians di dalam strata kecil
 - (c) Sampel adalah sebahagian yang bererti daripada populasi
 - (d) Sampel adalah besar

...3/-

10. Apakah tahap pengukuran yang paling tepat ?

- (a) Nisbah
- (b) Nominal
- (c) Ordinal
- (d) Interval

[10 markah]

Bahagian B (Wajib) :

Arahan : Jawab secara ringkas.

1. Apakah erti konsep data ? Kenalpastikan ciri-cirinya ?
2. Huraikan keperluan minima sesebuah laporan, apakah yang perlu ada ?
3. Untuk setiap senario berikut, kenalpastikan pemasalahan pengurusannya dan soalan penyelidikannya :
 - (a) Pengurus Pengeluaran Perwaja Steel (M) Berhad
 - (b) Ketua Polis Negara Malaysia
 - (c) Pengurus Sumber Manusia DRB-Hicom
 - (d) Pengurus Pengiklanan TV 3 Malaysia
 - (e) Pengurus Kumpulan Jenama Nestle (M) Berhad
4. Tujuan bahagian pengurusan projek di dalam cadangan penyelidikan adalah untuk mempamirkan kepada penaja bahawa pasukan penyelidikan itu teratur dan berupaya melaksanakan projek secara berkesan. *Plan Induk* diperlukan untuk projek yang kompleks bagi menerangkan bagaimana fasa-fasa tersebut dapat disatukan. Kenalpastikan unsur-unsur yang perlu ada di dalam perancangan tersebut.
5. Kenalpastikan ciri-ciri pengukuran yang baik ? Terangkan apakah yang anda faham di atas konsep kesahihan (validity).
6. Ada beberapa persoalan yang perlu diketengahkan untuk mendapatkan sesuatu sampel. Setiap keputusan memerlukan maklumat yang unik. Apakah persoalan-persoalan tersebut?

[30 markah]

...4/-

Bahagian C (Jawab 2 soalan Sahaja, Soalan No. 1 adalah Wajib)

1. Wajib

Encik Markus Sitong, Pengarah Yayasan Sabah yang baru dilantik bimbang terhadap masalah keruntuhan moral pelajar tajaannya yang berada di tiga institusi swasta di Semenanjung. Beliau telah bermesyuarat dengan pegawai-pegawai tertinggi Yayasan untuk membincangkan hal ini. Mesyuarat telah merumuskan mereka perlu membuat kajian ke atas perkara ini. Mereka percaya bahawa penyebab utama pemasalahan ini ialah kecuaiian Ketua Pelajar yang telah dilantik di setiap institusi. Mereka bercadang untuk melatih setiap Ketua Pelajar dengan pendidikan moral. Untuk tujuan ini mereka ingin mengukur tahap moral pelajar dan akan menggunakan soal-selidik untuk mengukurnya pada tiga tempuh masa yang berlainan. Untuk pengukuran pertama sebelum latihan, kedua setahun selepas latihan dan ketiga selepas latihan. Perbezaan peningkatan moral boleh dikaitkan dengan kesan latihan yang diterima samada berkesan atau tidak. Jelaskan dengan alasan perkara-perkara berikut:

- (a) Tujuan penyelidikan
- (b) Keadaan kajian
- (c) Jenis penyelidikan
- (d) Tempoh masa kajian
- (e) Unit Analisis

[40 markah]

2. Sebuah syarikat ternama telah bersetuju untuk membiyai satu kajian dalaman tentang gangguan seksual di tempat kerja. Ini adalah tindakan terhadap beberapa pemerhatian yang telah dibuat oleh kakitangan wanita syarikat. Bagaimanakah anda akan mengendalikan isu-isu berikut :

- Pemilihan sampel
- Pendekatan komunikasi
- Tujuan : pengumpulan data, kesedaran, membina hubungan dan perubahan
- Meminimumkan ralat respons dan ralat bukan respons

[20 markah]

3. Kenapakah perlu diadakan ujian awalan bagi setiap peralatan soal-selidik? Apakah yang boleh diperolehi daripada proses ini. ? Bincangkan.

[20 markah]

-----ooo000ooo-----